

Headline	Pencen: Belum muktamad, jangan dipolemikkan		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	07 Sep 2019	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	107,609
Page No	17	Readership	322,827
Language	Malay	ArticleSize	231 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,566
Frequency	Daily	PR Value	RM 13,697



Pencen: Belum muktamad, jangan dipolemikkan

TEMERLOH 6 Sept. - Cadangan kerajaan menawarkan skim lantikan kontrak perkhidmatan awam kepada kakitangan baharu tidak harus menjadi bahan polemik kerana ia dilakukan demi masa depan negara dan tidak sesekali untuk menganiaya rakyat.

Timbalan Menteri Kerja Raya, Mohd. Anuar Tahir berkata, bagaimanapun cadangan berkenaan masih di peringkat awal dan belum dimuktamadkan kerana perlu diperhalusi sebelum dilaksanakan.

"Percayalah bahawa kepentingan rakyat tetap di berikan perhatian utama, kita tidak akan menganiaya rakyat malah ini untuk masa depan negara kita sendiri.

"Dunia sekarang berhadapan dengan masalah kegawatan ekonomi, pemerintah yang bertanggungjawab perlu mengambil langkah-langkah

yang bijaksana dan langkah berani yang kadang-kadang kurang popular tetapi manfaatnya untuk kepentingan rakyat keseluruhan," katanya dalam sidang akhbar pada Majlis Pelancaran Bazar Peduli Rakyat@MY Best Buy Temerloh di pekarangan Masjid Temerloh Jaya di sini hari ini.

Yang hadir sama, Pengurus Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Ishak Ismail; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Mentakab, Woo Chee Wan dan Pegawai Derahan, Datuk Razihan Azharuddin.

Kelmarin, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Datuk Seri Borhan Dolah berkata, mulai tahu depan lantikan baharu dalam perkhidmatan awam mungkin tidak lagi dibuat di bawah skim tetap dan berpencen sebaliknya digantikan dengan skim lantikan kontrak yang ditambah baik.



MOHD. ANUAR TAHIR dan Ishak Ismail (lima dari kiri) membantu orang ramai membeli ikan dalam Majlis Pelancaran Bazar Peduli Rakyat@MY Best Buy Temerloh di pekarangan Masjid Temerloh Jaya, Temerloh, Pahang, semalam. - UTUSAN/ABDUL RASHID ABDUL RAHMAN